



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEMAMPUAN PELAJAR SEKOLAH RENDAH MENULIS RUMUSAN BAHASA MELAYU

ZAMHARIZ BIN DIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PROJEK SARJANA INI DIKEMUKAKAN
BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2009



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

18.10.2009



ZAMHARIZ BIN DIN
M20072000598



PENGHARGAAN

Kajian ini tidak akan sempurna dalam bentuk seperti ini tanpa sokongan dan kerjasama daripada semua pihak.

Pengkaji ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada **Dr. Hj. Mohd Rashid bin Md. Idris** selaku penyelia pengkaji yang telah banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar, dan nasihat yang sangat berguna dalam usaha menyempurnakan projek sarjana ini.

Seterusnya, pengkaji juga tidak lupa merakamkan penghargaan kepada semua pensyarah Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris, yang telah banyak memberikan ilmu yang berguna selama pengajian saya di universiti berkenaan dan kakitangan pejabat Fakulti Bahasa ; yang sentiasa memberikan kerjasama sepenuhnya.

Tidak lupa juga pengkaji ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Guru Besar SK. Bukit Beruntung, SK.Bandar Sungai Buaya dan SK. Kuala Kubu Baru yang sudi memberikan kerjasama kepada pengkaji dalam menyelenggarakan projek sarjana ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga pengkaji tujukan kepada pelajar-pelajar sekolah berkenaan, serta guru-guru yang terlibat dalam projek ini, khususnya bagi mereka yang terlibat secara langsung sebagai sampel kajian untuk projek sarjana ini.

Penghargaan dan jutaan terima kasih juga pengkaji tujukan kepada semua yang membantu, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung dalam menjayakan kajian dan penulisan projek sarjana ini. Semoga semua jenis bantuan yang anda berikan itu akan mendapat balasan yang berlipat ganda daripada Allah SWT.

Akhir sekali, pengkaji ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada keluarga tersayang ; khususnya isteri pengkaji, Anisah bt. Jamian dan anak-anak iaitu Muhammad Haziq Zurhakim dan Nurul Fatimah Aqilah yang sentiasa mendoakan kesejahteraan dan kejayaan pengkaji. Pengorbanan mereka selama dua tahun ini agar membolehkan pengkaji menamatkan pengajian Sarjana Pendidikan akan tetap dikenang buat selama-lamanya.

ZAMHARIZ BIN DIN
13, JALAN TELIPOT 1A/10,
SEKSYEN BS 9, BUKIT SENTOSA 3,
48300, RAWANG,
SELANGOR DARUL EHSAN.

18 OKTOBER 2009
FAKULTI BAHASA
UPSI,TANJONG MALIM



ABSTRAK

Penulisan bahasa Melayu merupakan salah satu daripada komponen penting dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah. Langkah Kementerian Pelajaran Malaysia mengubah format kertas Bahasa Melayu bermula tahun 2005 merupakan satu langkah yang amat bijak dan tepat untuk meningkatkan kemampuan pelajar dalam merumus karangan. Oleh itu, kepentingan menilai kemahiran merumus termasuk mengecam isi-isi penting dan mengolah semula teks dapat membantu murid menguasai pembelajaran bahasa Melayu dengan lebih berkesan di peringkat sekolah menengah. Seramai 90 orang murid dari tahun enam berbeza potensi, kelas dan sekolah dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Sebahagian mereka belum dapat memahami dan menguasai kemahiran membuat rumusan. Kajian ini cuba meninjau aspek-aspek kemampuan dan halangan yang membataskan murid untuk mengolah rumusan dengan tepat. Kajian ini juga ingin melihat hubungan pencapaian bahasa Melayu dengan latar belakang murid dalam menghasilkan rumusan yang lengkap. Kaedah tinjauan digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan data yang tepat berdasarkan kepada kaedah soal selidik. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian 'The Statistical Package For Social Science' (SPSS). Dapatan kajian menunjukkan bahawa 80 peratus aspek latar belakang dan sikap murid mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemampuan pelajar sekolah rendah membuat rumusan.



ABSTRACT

Writing in bahasa Melayu is one of the most important component in the UPSR. The effort from our Ministry of Education to change the format of bahasa Melayu paper starting 2005 is a brilliant idea in order to improve the ability of students in summarizing texts. The importance in value the summarizing skill includes the ability to identify main ideas and reconstruct the text could help the students to doing well in their secondary school level. 90 students from different potential year six students, different classes and school were choosen as the respondents in this research. Almost half of the students were unable to understand and mastering the summarizing skill. This research is to survey the aspects of capabilities and obstacles that limit the students capabilities in making the exact summarization. It is also to foreseen the relationship of bahasa Melayu achievement with students background in producing the complete summarization. Surveying method was used in this research. The result show that the background aspect and the students behavior have 80 percent significant aspect in helping the primary school pupils in making summarization. Survey technique were used in this survey to produce the exact data based on questionnaire. The received data will be analized using “ The Statistical Package For Social Science ” (SPSS).



KANDUNGAN

	Halaman
HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN (BM)	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.7 Batasan Kajian	12
1.8 Definisi Konsep	14
1.9 Rumusan	31
BAB 2 TINJAUAN KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	32
2.2 Kajian Literatur	38
2.3 Rumusan	47

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	49
3.2	Reka Bentuk Kajian	49
3.3	Tempat Kajian	50
3.4	Subjek Kajian	51
3.5	Alat Kajian	52
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	53
3.7	Prosedur Penganalisan Data	55
3.8	Rumusan	56

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pendahuluan	57
4.2	Analisis Dapatan Kajian	58
4.3	Kesimpulan	72

BAB 5 RUMUSAN

5.1	Pengenalan	74
5.2	Ringkasan Kajian	74
5.2.1	Kelas dan Pencapaian Gred Bahasa Melayu Pertengahan Tahun Dengan Kemampuan Menulis Rumusan	75
5.2.2	Taraf Pendidikan Bapa dengan Kemampuan Menulis Rumusan	77
5.2.3	Sikap Pelajar dengan Kemampuan Menulis Rumusan	79
5.2.4	Jenis Bahan Bacaan Yang Digemari Oleh Responden dan Kaitannya Dengan Markah Penulisan Rumusan Dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun	81
5.2.5	Pendorong Utama ke Arah Kemampuan Pelajar Menulis Rumusan	82
5.2.6	Budaya Membaca dan Kaitannya Dengan Kemampuan Pelajar menulis Rumusan	83
5.3	Kesimpulan dan Cadangan	86
5.4	Cadangan Untuk Kajian Lanjut	89
5.5	Penutup	90

BIBLIOGRAFI**LAMPIRAN**

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Halaman
4.1	Profil Responden Kajian Mengikut Demografi	57
4.2	Kemampuan Pelajar Menulis Rumusan (Bahagian C)	59
4.3	Pendedahan Pelajar Terhadap Kekerapan Kefahaman Membaca	61
4.4	Jenis-jenis Masalah Penulisan Rumusan Bahasa Melayu (Berdasarkan Respons Dalam Soal Selidik Pelajar)	62
4.5	Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar Semasa Menulis Rumusan Bahasa Melayu Sekolah Rendah (Komen Guru)	64
4.6	Kemampuan Menulis Rumusan Responden Dipengaruhi Oleh Jenis Bahan Bacaan	66
4.7	Aktiviti Kegemaran Pada Masa Lapang	67
4.8	Kajian Mengikut Gred Pencapaian Tertinggi Bapa	68
4.9	Taburan Responden Mengikut Markah Penulisan Dalam Peperiksaan Yang Lalu	69
4.10	Pendorong Utama dan Tempat Rujukan Pelajar Dalam Aktiviti Menulis Rumusan Mempengaruhi Kemampuan Pelajar	71

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Halaman
1.1	Aras Kemahiran Taksonomi Bloom	25
2.1	Definisi dan Proses Membaca Menurut Pandangan Psikolinguistik Kognitif –Proses 2 Hala	36



LAMPIRAN

- A** Borang Soal Selidik
- B** Surat Pengenalan Diri Dari Institut Pengajian Siswazah, Universiti Pendidikan Sultan Idris
- C** Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Dari Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Selangor
- D** Surat Memohon Kebenaran Bagi Menjalankan Penyelidikan di Sekolah-sekolah Kajian



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Menulis merupakan salah satu cabang dalam sistem komunikasi yang membolehkan interaksi yang dapat difahami sesama manusia. Penekanan yang diberikan dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah ialah kemahiran-kemahiran yang berkaitan dengan lisan, membaca dan menulis. Dalam kajian ini penekanan yang diberikan ialah masalah kepada kemahiran menulis rumusan.

Selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, Kementerian Pelajaran melalui Pusat Perkembangan Kurikulum telah menggubal kurikulum yang lebih mantap lagi. Kurikulum Bahasa Melayu sekolah rendah digubal selari dengan matlamat dan hasrat Falsafah Pendidikan Negara yang bertujuan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis daripada segi intelek, emosi, rohani, dan jasmani. Pentingnya penguasaan menulis ini terbukti apabila ditekankan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah. Antaranya ialah pelajar harus menghasilkan pelbagai jenis penulisan dengan tepat dan jelas tentang ilmu pengetahuan dan kegiatan harian. Pelajar-pelajar juga digalakkan untuk menghasilkan penulisan

kreatif dengan pemikiran yang kritis dan analitis (Kementerian Pendidikan Malaysia 1987 : 6)

Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara telah membawa perubahan dalam pendidikan bahasa di Malaysia. Pelajar-pelajar bukan sahaja perlu memahami dan menguasai kecekapan berbahasa serta berkomunikasi malah memahami fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan rakyat, bahasa perhubungan, bahasa yang menggambarkan akal budi rakyat dan bahasa ilmu pengetahuan.

Dasar KBSR telah termaktub objektif pendidikan bahasa Melayu selaras dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan bagi memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Negara. Negara kita memerlukan pengorbanan yang besar dalam menghadapi tuntutan cabaran pendidikan era globalisasi abad ke-21 ini serta dalam usaha memartabatkan pendidikan bertaraf dunia. Banyak perubahan dan kemajuan dalam bahasa Melayu telah sejajar dengan keperluan dan perkembangan semasa dunia pendidikan. Perubahan-perubahan ini memerlukan kita bertindak proaktif serta berfikiran positif dan terbuka untuk menimba ilmu pengetahuan bagi membangunkan negara.

Dalam sistem pendidikan negara, bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam perpaduan kaum selaras dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Berdasarkan alasan tersebut, matlamat yang ingin dicapai dalam



Sukatan Pelajaran KBSR adalah untuk melengkapkan pelajar dengan ketrampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri dalam bidang pendidikan, pekerjaan, dan urusan harian. Hal ini termaktub dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah (2001). Pendidikan bahasa Melayu sekolah rendah adalah melengkapkan usaha memperkukuhkan dan meningkatkan penguasaan berbahasa dalam kalangan pelajar.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu memberi kesempatan kepada guru-guru untuk menggunakan pelbagai pendekatan, kaedah, teknik yang berkesan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Berpanduan Sukatan Pelajaran KBSR terkini (Kementerian Pendidikan Malaysia 2001) penggunaan bahasa merangkumi tiga komponen utama iaitu, bidang interpersonal, bidang maklumat, dan bidang estetik. Setiap bidang terdapat hasil pembelajaran utama dan hasil pembelajaran khusus yang perlu dikuasai oleh pelajar. Hal ini ditegaskan lagi dalam Sukatan Pelajaran bahasa Melayu KBSR yang menekankan penguasaan keempat-empat kemahiran bahasa iaitu, mendengar, bertutur, membaca, dan menulis.

Kini bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa ilmu pengetahuan serta alat perhubungan utama dan alat perpaduan rakyat. Oleh hal yang demikian, kemahiran berbahasa amat penting untuk membolehkan pelajar berkomunikasi dalam bahasa yang digunakan, iaitu variasi bahasa yang betul dan tepat. Tujuannya adalah supaya para



pelajar dapat menggunakan bahasa untuk mendapat ilmu pengetahuan, meningkatkan daya intelek, menguasai kemahiran belajar dan mengamalkan nilai hidup yang murni.

1.2 Latar Belakang Kajian

Prestasi pencapaian murid merupakan satu topik yang sering diperdebatkan oleh para pendidik terutama bagi mata pelajaran bahasa Melayu. Kontroversi ini biasanya tertumpu kepada perbezaan dalam pencapaian murid-murid terutamanya menerusi keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Laporan peperiksaan yang dibuat oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia menunjukkan prestasi pencapaian pelajar yang tidak stabil iaitu berbeza dari tahun ke tahun yang lain. Oleh sebab itu banyak kajian telah dibuat tentang perkara ini oleh pengkaji-pengkaji tempatan dan juga luar negara.

Merumus karangan merupakan satu perkara baru bagi murid-murid sekolah rendah. Lazimnya, murid akan didedahkan dengan kemahiran merumus karangan apabila memulakan pembelajaran di sekolah menengah.

Antaranya ialah memastikan murid jelas dalam memahami kehendak soalan serta mampu mengenali isi-isi penting untuk menjawab soalan yang dikemukakan bagi mendapat markah yang baik selaras dengan kehendak soalan. Hal ini kerana pada awal proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu tahun 6 di Sekolah Kebangsaan Taman Bunga Raya (1), pengkaji dapati hampir semua murid masih kabur dengan kehendak soalan. Kegagalan mengenali isi-isi penting menjadikan mereka gagal untuk menghasilkan sebuah rumusan karangan yang menepati kehendak soalan bagi mendapatkan markah yang tinggi. Pelajar juga berasa bosan, tertekan dan kurang minat terhadap pelajaran. Justeru, pengkaji merasakan bahawa perlu mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang menghiburkan supaya murid mampu mengenali isi-isi penting dengan berkesan.

Kelemahan murid menguasai bahagian tersebut boleh dikesan melalui ujian bulanan dan peperiksaan yang dijalankan. Dalam ujian pengesanan yang telah dijalankan pada bulan Januari, hanya 50 peratus murid yang lulus dan tiada seorang pun yang berjaya mendapat gred A. Hal ini kerana sebahagian daripada murid berjaya mendapat markah yang tinggi untuk Bahagian A dan B, tetapi mereka gagal mendapat markah yang tinggi bagi Bahagian C.

Berdasarkan pemerhatian sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran dan perbincangan dengan guru-guru bahasa Melayu Tahap 2 di sekolah ini dan sekolah-sekolah berhampiran didapati bahawa sebahagian murid mampu mengenali isi-isi penting yang terdapat dalam petikan, tetapi tidak boleh mengaitkan isi-isi penting tersebut dengan nilai-nilai murni dan seterusnya merumuskan karangan yang lengkap. Manakala sebahagian murid langsung tidak dapat mengenal pasti isi-isi penting, apatah lagi untuk merumus karangan.

Tumpuan kajian adalah untuk mengetahui bagaimana kemampuan pelajar mengenali isi-isi penting yang terdapat dalam sesuatu petikan atau puisi serta mengaitkan dengan nilai-nilai murni. Seterusnya mampu menghasilkan satu rumusan yang baik dalam menepati kehendak soalan.

1.3 Penyataan Masalah

Mata pelajaran bahasa Melayu yang diajar di sekolah mengambil kira tiga kemahiran utama iaitu, kemahiran lisan, bacaan, dan penulisan. Kemahiran membaca memerlukan sepenuh penelitian dan pemahaman oleh pelajar dalam mencari isi-isi penting. Menurut Mohd Fadzil bin Hj Hassan (1985:23) masalah kelemahan membaca dalam kalangan murid sekolah rendah belum dapat di atasi. Akibat daripada lemah

membaca ini akan menyebabkan kefahaman seseorang pelajar itu terbatas. Apabila pelajar gagal memahami sesuatu teks petikan ini secara tidak langsung menyumbang kepada kegagalan mencari isi-isi penting dan akhirnya ini akan menyebabkan markah yang diperolehi adalah rendah.

Pada tahun 1989, dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah peratus pencapaian dalam bidang penulisan bahasa Melayu agak rendah jika dibandingkan dengan bidang lisan dan bacaan ataupun kertas pemahaman. Hal ini kebanyakan berlaku di sekolah-sekolah luar bandar.

Purata peratus pencapaian penulisan bahasa Melayu di dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah adalah lebih kurang 70 peratus (Berita Harian 15 Jun 1990) dan bagi sekolah-sekolah di luar bandar pula adalah jauh lebih rendah dari peratusan tersebut, iaitu lebih kurang 60 peratus. Peratus ini jauh lebih rendah dari peratus pencapaian bagi sekolah-sekolah di bandar. Jikalau dibuat perbandingan dengan peratus pencapaian dalam bidang bacaan dan lisan (pemahaman), nyata bidang penulisan lebih rendah dan lemah.

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor melaporkan bahawa peratus pencapaian dalam bidang penulisan khususnya bahagian rumusan , Ujian Pencapaian Sekolah Rendah di negeri Selangor, terutamanya sekolah-sekolah luar bandar, khususnya di kawasan Daerah Hulu Selangor ialah bawah 80 peratus dengan itu ianya gagal mencapai tahap peratus yang dikehendaki untuk mencapai matlamat Kurikulum Baru Sekolah Rendah iaitu 85 peratus.

Selain itu salah satu daripada matlamat pendidikan adalah untuk membantu pelajar menguasai sesuatu kemahiran dan pengetahuan. Menurut Atkinson (1965:349) kecenderungan untuk mencapai kejayaan ialah satu jenis motivasi yang dipelajari. Pelajar-pelajar mungkin mempunyai motif untuk mencapai kejayaan atau motif untuk mengelakkan kegagalan. Kajian Raynor (1971:321) telah menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai motivasi untuk mencapai kejayaan menerima gred yang tinggi daripada pelajar yang mempunyai motivasi untuk mengelak kegagalan.

Dapatan kajian Zulkifley Hamid (1994:61), menjelaskan bahawa minat atau perlakuan yang ditunjukkan terhadap bahasa dalam kalangan pelajar sekolah berkait rapat dengan latar belakang pendidikan semasa di sekolah rendah, latar belakang keluarga, persekitaran budaya dan tempat tinggal serta sikap yang wujud dalam diri seseorang. Kelima-lima faktor tersebut secara tidak langsung mempengaruhi penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah rendah.



Justeru, melalui kajian ini sekurang-kurangnya dapat mencari jawapan kepada faktor-faktor kerendahan peratus dan punca kelemahan yang berlaku. Hasil kajian ini juga akan dapat menolong bagi mengambil langkah-langkah tertentu untuk meningkatkan pencapaian dalam bidang penulisan khususnya pada bahagian rumusan. Langkah-langkah awal adalah wajar diambil daripada murid-murid yang sedang belajar di tahun empat lagi.

Berdasarkan pernyataan ini, kajian dijalankan untuk mengetahui sejauh manakah kemampuan pelajar menulis rumusan dalam mengenali isi-isi penting berdasarkan teks bahasa Melayu sekolah rendah, masalah-masalah yang kerap dihadapi oleh pelajar dalam menulis rumusan dan mengenal pasti faktor-faktor latar belakang keluarga, persekitaran serta sikap mempunyai perkaitan dengan pencapaian gred penulisan bahasa Melayu tahun enam.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti kemampuan pelajar sekolah rendah menulis rumusan dalam mencari isi-isi penting teks bahasa Melayu secara keseluruhannya dan mampu menyiapkan penulisan tersebut dengan tahap kebolehan mereka. Selain itu kajian ini juga ingin mengetahui sama ada wujud hubungan antara faktor latar belakang pelajar, sikap dan persekitarannya dalam mempengaruhi





pencapaian gred bahasa Melayu penulisan sekolah rendah serta melihat masalah-masalah yang kerap dilakukan oleh pelajar dalam menulis rumusan.

1.5 Persoalan Kajian

Merumus karangan merupakan satu perkara baru bagi murid-murid sekolah rendah. Lazimnya, murid akan didedahkan dengan kemahiran merumus karangan apabila memulakan pembelajaran di sekolah menengah. Oleh hal yang demikian, beberapa persoalan harus dikenal pasti bagi memastikan murid jelas dalam memahami kehendak soalan dan mampu mengolah teks rumusan tersebut. Selain itu, permasalahan yang wujud dalam kalangan murid juga harus diperjelaskan secara terperinci. Berdasarkan tujuan kajian, empat persoalan utama telah dibentuk iaitu :

1. Sejauh manakah tahap kemampuan pelajar sekolah rendah dalam kemahiran menulis rumusan bahasa Melayu ?
2. Apakah kekerapan kefahaman membaca dan membuat latihan mempengaruhi pelajar dalam mengenali isi-isi penting teks penulisan bahasa Melayu ?





3. Apakah masalah-masalah yang kerap dihadapi oleh pelajar sekolah rendah dalam penulisan karangan berbentuk rumusan ?
4. Apakah aspek latar belakang dan sikap pelajar terhadap bahan bacaan mempengaruhi tahap kemampuan mereka dalam kemahiran menulis rumusan ?

1.6 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat balas kepada pihak sekolah dan pegawai perancang kurikulum bahasa Melayu supaya mengambil inisiatif bagi menghasilkan cara pengajaran dan pembelajaran yang lebih sistematik. Kajian ini juga bertujuan untuk mengubah sikap pelajar ke arah yang lebih baik serta mengubah amalan pengajaran guru yang tidak memberikan penekanan tegas terhadap pentingnya penguasaan bahasa Melayu kepada pelajar. Dapatan kajian ini akan dapat melihat kelemahan-kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran menulis rumusan. Justeru, melalui kajian ini sekurang-kurangnya dapat mencari jawapan kepada faktor-faktor kerendahan peratus dan punca kelemahan yang berlaku. Hasil kajian ini juga akan dapat memberi gambaran tentang keupayaan berbahasa para pelajar dalam bidang rumusan. Hal ini dapat membantu guru bagi mengambil langkah-langkah tertentu untuk meningkatkan pencapaian dalam bidang penulisan khususnya pada bahagian rumusan.





1.7 Batasan Kajian

Kajian ini tertumpu kepada :

1.7.1 Tempat Kajian

Tempat kajian ini hanya terbatas di Daerah Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan.

Kajian ini melibatkan tiga buah sekolah dalam Daerah Hulu Selangor yang dikategorikan sebagai sekolah luar bandar. Pelajar-pelajar yang dikaji terbatas pada pelajar-pelajar tahun 6 yang sedang mengikuti pendidikan formal, pada tahun 2009. Pelajar-pelajar ini terdiri daripada pelajar lelaki dan juga perempuan.

1.7.2 Sampel Kajian

Kajian ini hanya melibatkan seramai 90 orang pelajar tahun 6 dari tiga buah sekolah berasingan yang terdiri dari sekolah luar bandar di Daerah Hulu Selangor iaitu sekolah yang berada di kedudukan geografinya pada bahagian Utara, Selatan, dan Tengah Daerah Hulu Selangor yang mewakili kawasan Kuala Kubu Baru, Bukit Beruntung dan Bandar Sungai Buaya. Oleh sebab itu hasil kajian yang diperoleh dapat dirumuskan kepada semua pelajar di Daerah Hulu Selangor sahaja.





1.7.3 Tumpuan Kajian

Kajian ini bertujuan mengenal pasti kemampuan pelajar sekolah rendah menulis rumusan dalam mencari isi-isi penting teks bahasa Melayu secara keseluruhannya dan mampu menyiapkan penulisan tersebut dengan tahap kebolehan mereka. Selain itu kajian ini juga ingin mengetahui sama ada wujud hubungan antara faktor latar belakang pelajar, sikap dan persekitarannya serta meninjau masalah yang dihadapi pelajar dalam menulis rumusan yang mempengaruhi pencapaian gred bahasa Melayu penulisan sekolah rendah.

1.7.4 Alat Kajian

Kajian ini akan menggunakan kaedah soal selidik dan kertas ujian penulisan rumusan seperti yang ditunjukkan dalam lampiran A yang telah dibentuk untuk memungut data daripada pelajar. Semua pelajar yang dipilih mengikut kaedah yang ditetapkan telah diberi borang soal selidik dan kertas ujian penulisan rumusan untuk tujuan pungutan data.





1.8 Definisi Konsep Penulisan Rumusan

Untuk kajian ini, pengkaji telah mendefinisikan beberapa istilah yang digunakan serta menjelaskan konsep sesebuah penulisan rumusan serta faktor-faktor yang mempengaruhinya.

Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007:1729) penulisan adalah perihal atau kegiatan dan sebagainya menulis (mengarang dll) serta gubahan, ikatan dan susunan ayat. Manakala rumusan pula membawa maksud pernyataan atau kesimpulan tentang soal-soal pokok (ketetapan, pendirian, dll) yang menyatakan secara ringkas dan tepat.

Kamus bahasa Inggeris pula, *The Advanced Learner's Dictionary of Current English* (1979), memberi makna penulisan adalah sebagai 'the act or art of composing, putting together and arranging'. Di sini dapatlah dikatakan bahawa kata karangan atau penulisan itu ada pertalian erti dengan 'composition'.

Za'ba (1952:165) pula menegaskan bahawa karangan atau penulisan adalah hasil daripada kepandaian atau kemahiran mengubah atau menyusun kata-kata untuk dijadikan rangkaikata (frasa) dan seterusnya untuk dijadikan ayat.



Menurut Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam (1985:34), karangan atau penulisan ialah latihan melahirkan fikiran, perasaan dan idea secara bebas tetapi dikawal oleh arahan, peraturan dan topik karangan yang ditetapkan.

Mengikut Koh Boh Boon (1981:1), mengarang atau kemahiran penulisan ini ialah satu proses melahirkan satu idea atau rangkaikata idea dalam bentuk tulisan secara tersusun dan logik. Dari segi kepanjangannya ia boleh merupakan satu ayat, perenggan atau makalah panjang. Dari segi isi pula ia meliputi surat kiriman, minit mesyuarat, nota ringkas, cerita, laporan dan lain-lain.

Ishak Haron (1979:50), pula menegaskan bahawa kemahiran menulis dan mengarang merupakan sebahagian daripada kemahiran yang penting dimiliki oleh pelajar dibangku sekolah kerana sebahagian besar daripada pendidikan formal memerlukan kerja-kerja menulis dan mengarang, beliau berpendapat bahawa karangan bukanlah sekadar hasil kepandaian atau kemahiran mengubah atau menyusun kata-kata dan ayat sahaja tetapi merupakan penyampaian idea, fakta dan sebagainya yang terdapat dalam pemikiran manusia melalui komunikasi yang dinamakan bahasa.



Abu Hassan dan Razak Mamat (1987) , menyatakan bahawa karangan sebagai satu esei ringkas yang mencerminkan penulisan yang terhad kepada beberapa jumlah perkataan tentang sesuatu topik yang mempunyai pengenalan , isi, dan penutup.

Bullock (1975:54), karangan atau penulisan bukanlah hasil kepandaian atau kemahiran mengubah atau menyusun kata-kata , frasa, dan ayat, tetapi merupakan kemahiran menyampaikan idea, fakta dan sebagainya yang terdapat dalam pemikiran manusia (pengarang atau penulis) melalui alat komunikasi yang dinamakan bahasa.

Pendapat Chomsky (1965) , memberi penekanan kepada perlunya peranan pemikiran dalam kemahiran mengubah atau menyusun kata-kata, frasa dan seterusnya ayat dalam seluruh wacana atau karangan penulisan. Oleh itu pembelajaran penulisan adalah satu kepandaian atau kemahiran yang perlu diberi perhatian khas dan tidaklah sebagai pelajaran sampingan sahaja.

Sebagai kesimpulannya dapat dinyatakan bahawa penulisan dalam rumusan adalah sebagai satu susunan kata-kata yang membentuk ayat-ayat untuk menyampaikan perasaan, idea, dan fakta secara bebas tetapi terkawal oleh arahan, peraturan, topik penulisan dengan tujuan untuk berkomunikasi serta mampu mengupas isi tersurat dan tersirat dalam merencanakan maksud sesuatu teks petikan itu.





1.2.1 Tujuan Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan Rumusan

Tujuan pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar-pelajar sekolah rendah adalah untuk kemahiran bertutur dengan menggunakan kata-kata, frasa dan ayat yang berpadanan dengan peringkat umur pelajar-pelajar. Hal ini bertujuan supaya kemahiran bertutur itu dapat ditukar menjadi kemahiran menulis melalui latihan mengarang, seperti menulis beberapa ayat tentang diri, benda-benda di sekeliling dan orang-orang yang ada kaitannya dengan pelajar-pelajar berkenaan.

Menurut Lado (1964:143) , *the writing of an assey on assigned topic enjoys great prestige not only as a test of ability to write but as a sign of intelligence, education and academic achievement as well*. Hal ini membawa pengertian bahawa penulisan bukan sahaja untuk menulis tajuk yang menyeronokkan bahkan ia juga untuk menguji sejauhmanakah kebijaksanaan dan juga pencapaian pembelajaran seseorang.

Penulisan rumusan karangan merupakan satu kemahiran yang perlu di pelajari dan dilatih kerana ia amat penting dikuasai oleh setiap pelajar. Sebahagian besar pendidikan formal memerlukan kerja-kerja menulis dan mengarang sebagai satu cara untuk menyampaikan maklumat, idea, perasaan, dan pendapat. Kepentingan mengarang dapat ditinjau dari pendapat beberapa orang ahli dan pengkaji bahasa.



Menurut Za,ba (1962:165), mengarang dalam bentuk rumusan bertujuan supaya orang yang membaca faham dan tahu akan fikiran penulisnya. Hal ini kerana karangan itu adalah curahan rasa dalam bentuk tulisan seseorang penulis.

Broto (1974:82), pula menyatakan kemahiran penulisan ini sangat perlu bagi pelajar baik untuk keperluan seharian mahupun untuk meneruskan pelajaran. Oleh sebab itu kemahiran ini patut dikembangkan secara bersistematik di peringkat sekolah rendah dan terus berkembang di peringkat sekolah menengah dengan bimbingan berterusan hingga ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

Manakala Kamaruddin Hj. Husin (1985:114) pula menyatakan pelajaran penulisan rumusan adalah sangat penting kerana ia bertindak sebagai alat bagi menurunkan segala isi pelajaran dan mempamerkan buah fikiran seseorang.

Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam (1985:42), pula memberi lapan tujuan pengajaran dan pembelajaran penulisan rumusan iaitu :

- a) Memberi peluang kepada pelajar-pelajar melahirkan fikiran, pendapat, komen, pandangan secara bebas di dalam tajuk yang telah diberikan.
- b) Melatih pelajar-pelajar menggunakan kebebasan berfikir dan melahirkan perasaan dalam peraturan yang telah ditetapkan.



- c) Latihan mendisiplinkan mental.
- d) Supaya pelajar-pelajar seronok menulis berdasarkan fikiran, rujukan dan penemuan mereka.
- e) Pelajaran penulisan memberi peluang kepada pelajar-pelajar melahirkan fikiran dan perasaan secara bertulis dengan menggunakan struktur ayat dan perkataan yang tepat.
- f) Pembelajaran penulisan juga dapat merakamkan latihan lisan kanak-kanak kerana latihan penulisan ini dijalankan sesudah latihan lisan.
- g) Memperkukuhkan kemahiran berfikir dan menulis di kalangan kanak-kanak.
- h) Mengasah bakat kreatif kanak-kanak sejak mereka masih kecil lagi.

Hasil daripada pendapat dan kajian yang dibuat oleh ahli-ahli bahasa tersebut,



adalah jelas bahawa penulisan rumusan adalah merupakan satu kemahiran yang amat penting dalam proses pembelajaran murid-murid. Peringkat awal pembelajaran penulisan amatlah perlu diajar sejak dari sekolah rendah lagi. Hal ini adalah disebabkan asas kepada pembelajaran murid-murid secara formal ialah dari sekolah rendah.





Oleh sebab itu sama ada tujuan menulis itu bercorak sosial atau melibatkan perkara-perkara yang abstrak melalui penulisan berpandu atau bebas, pelajar perlulah mempunyai sesuatu yang hendak ditulis dan kemahiran menulis. Bagi menambah kemahiran menulis penulisan, latihan yang gigih serta pembacaan yang meluas perlu ditekankan.

1.2.2 Teori dan Prinsip Pengajaran Penulisan Rumusan

Untuk menghasilkan satu pencapaian yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan, adalah wajar teori dan prinsip pengajaran penulisan diperlihatkan terlebih dahulu seperti berikut :



1.2.3 Teori Jean Piaget

Teori Jean Piaget (1970) menyatakan bahawa bahasa ialah satu konsep yang digunakan untuk membayangkan kecerdasan otak anak-anak berfikir. Apabila seseorang anak berfikir ianya dapat membayangkan sesuatu hal atau kelakuan atau peristiwa, maka hayalan itulah akan menjadi unsur bahasa, termasuk penulisan. Hal ini bermakna perhatian kepada penggunaan kecerdasan otak kanak-kanak di dalam bidang penulisan itu adalah mustahak.





1.2.4 Teori Chomsky

Teori Chomsky (1968) pula ialah bahasa iaitu adalah warisan yang diterima daripada gen yang membolehkan kanak-kanak menguasai tatabahasa dan membuat analisa bahasa. Kebolehan semulajadi ini datangnya secara intuitif dan dinamakan "Language Aquisition Device". Dalam hal ini pengajaran penulisan mestilah berpandukan cara kanak-kanak memperolehi bahasa ibunda mereka. Ia harus dimulakan daripada pengalaman yang terdekat dan kemudian bergerak kepada pengalaman-pengalaman yang lebih jauh. Pengajaran harus dimulakan dengan lisan terlebih dahulu dan kemudiannya baru kemahiran menulis. Segala aktiviti harus bergerak daripada pengetahuan murid itu sendiri.

1.2.5 Teori Jensen



Teori yang dibawa oleh Jensen (1966) pula ialah bahasa mestilah ada kaitannya dengan elemen di dalam konsep 'theory of Learning'. Elemen itu ialah konsep peneguhan pada S – O – R, iaitu teori yang dimajukan oleh Skinner. Elemen yang kedua pula ialah konsep berkembar yang dimajukan oleh Freud. Konsep ini menekankan kanak-kanak membuat asosiasi antara satu perkataan dengan perkataan yang lain hingga timbul satu bentuk corak makna yang aneh sekali.





Karangan Bertulis

Karangan bertulis adalah lanjutan daripada karangan lisan. Oleh kerana latihan menulis berhubung rapat dengan latihan menyatakan fikiran maka secara teknik, menulis tidak dapat dipisahkan daripada soal akal.

Salleh Mohd. Akib (1975), menyatakan bahawa sebelum sesuatu latihan menulis dijalankan, guru perlulah menyediakan beberapa perkara untuk mengelakkan kesukaran menulis. Langkah-langkah dan cara-cara menuju ke arah penulisan yang baik haruslah ada persediaannya , antaranya ialah :

a. Soalan-soalan lisan

Apabila mengajukan soalan-soalan lisan kepada pelajar, guru haruslah menaburkan soalan-soalan itu kepada semua pelajar. Soalan-soalan yang dikemukakan haruslah berkaitan dengan tajuk yang diajar. Aktiviti ini memberi peluang kepada pelajar untuk berfikir dengan lebih mendalam tentang tajuk yang diajar serta dapat mengeluarkan idea-idea bernas tentang tajuk yang dikehendaki.





b. Menggunakan gambar-gambar

Memberi keterangan dan berpanduan gambar dapat memberi ransangan kepada pelajar-pelajar. Gambar-gambar yang digunakan hendaklah jelas dan menarik. Melalui aktiviti ini, pelajar dilatih membina ayat-ayat pendek yang kemudiannya diteruskan dengan mencantum atau menghubungkan ayat-ayat tersebut untuk dijadikan sebuah penulisan yang lengkap.

c. Membaca senyap

Salah satu persediaan ke arah penulisan yang baik ialah membaca dengan senyap buku-buku, majalah dan lain-lain di dalam kelas. Selepas aktiviti ini dijalankan, pelajar dikehendaki mengadakan perbincangan mengenai tajuk yang dibaca. Guru pula bolehlah mencatat semua isi bacaan di papan hitam dan kemudiannya menyusun semula isi-isi tersebut untuk dijadikan sebuah rumusan lengkap.

Menurut Salleh Mohd. Akib (1975), persediaan-persediaan ini adalah perlu kerana membolehkan :

- a. Pelajar-pelajar tahu apa yang hendak dibuat.
- b. Pelajar-pelajar dapat mengeluarkan idea yang baik.
- c. Perbendaharaan kata para pelajar akan bertambah.





- d. Para pelajar dapat memilih perkataan dengan betul dan tepat.
- e. Para pelajar akan lebih fasih dalam penggunaan berbahasa.
- f. Penulisan para pelajar akan lebih baik dan sempurna.


Sehubungan dengan itu , guru-guru yang mengajar bahasa Melayu haruslah memilih bahan-bahan bacaan yang bersesuaian dengan tahap pencapaian pelajarinya terutama dalam menubuhkan soalan-soalan ujian bagi bacaan dan penulisan. Untuk mencapai matlamat penulisan yang baik dalam kalangan pelajar, guru sebaik-baiknya menyusun bahan penulisan tersebut berdasarkan aras taksonomi. Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, pemeringkatan kemahiran-kemahiran penulisan boleh dibina berdasarkan model ” Taksonomi Bloom ”



A. Karim Sailan (1987 :11) menjelaskan bahawa dalam taksonomi ini , aktiviti manusia dibahagikan kepada tiga domain , iaitu domain kognitif, afektif, dan psikomotor. Domain kognitif berhubung dengan daya pengingatan, kefahaman, penamatan mengenai sesuatu kebolehan atau kemahiran. Domain afektif pula menekankan kepada minat, sikap, nilai, dan kecenderungan dan lain-lain.



Manakala domain psikomotor pula merangkumi gerak balas fizikal dan kemahiran membuat sesuatu. Di antara ketiga-tiga domain yang dipelopori oleh Bloom ini, domain kognitif telah memainkan peranan utama dalam kurikulum pendidikan. (A.Karim Sailan, 1987 :11). Taksonomi ini membahagikan aras kemahiran kepada enam peringkat seperti yang terlukis dalam rajah di bawah :



Gambar rajah 1.1

Sumber : A.Karim Sailan , 1987 :11



Benjamin Bloom (1956) telah memberikan taksonomi pembelajaran yang memperlihatkan pengkategorian pembelajaran seperti berikut :

1. Pengetahuan : Kebolehan mengingat fakta, istilah, definisi, kaedah, rumus, prinsip, dan lain-lain.
2. Kefahaman : Kebolehan menterjemah idea daripada satu bentuk kepada bentuk yang lain, membuat interpretasi, melihat kesan dan akibat, pola-pola , dan lain-lain.
3. Aplikasi : Kebolehan menerap dan menggunakan rumus am dan prinsip situasi tertentu. Menggunakan konsep dan prinsip dalam situasi baru.
4. Analisis : Kebolehan menganalisis atau memecahkan sesuatu perkara (konsep, idea, masalah dan dll.) kepada bahagian komponen penting supaya menjadi jelas dan melihat pertalian antara bahagian tersebut. (Dalam Abd Aziz Abdul Talib, 1993 : 88-89)
5. Sintesis : Kebolehan mencantumkan beberapa bahagian untuk menjadikan satu bahan.
6. Penilaian : Kebolehan menilai, menghakim atau memberi keputusan.





Melalui peringkat pembelajaran di atas, kefahaman merupakan komponen yang asas dalam kemahiran belajar. Kemampuan mengingat fakta belum cukup tanpa kefahaman. Manakala tanpa kefahaman, pelajar tidak akan dapat menguasai komponen lain seperti aplikasi, analisis,, sintesis dan penilaian.

Menurut Abdul Aziz Abdul Talib (1993:87), “ keperluan pelajar memahami apa yang dibaca di sekolah(atau di luar sekolah) tidaklah terhad membaca buku teks bagi mata pelajaran Bahasa Melayu semata-mata. Lebih-lebih lagi aspek bacaan dan kefahaman tidaklah terhad kepada keratan bacaan dan kefahaman dalam teks tersebut. Keperluan pelajar membaca dan memahami apa yang dibaca sangat luas bidangnya dan menembusi kesemua mata pelajaran dalam kurikulum sekolah” (1993:87).



Di samping itu juga kemahiran membaca dan memahami merupakan peringkat penerimaan dalam proses berinteraksi dan menerima maklumat (Dr. Norbaya Ahmad, 2002). Hal ini sesuai dengan takrif komunikasi dalam aspek perhubungan, iaitu interaksi yang membolehkan manusia mencapai pemahaman yang sama (Mohd. Baharuddin Othman dan Mohd. Khaire Ahmad, 2003).





Keperluan penguasaan bahasa untuk berkomunikasi dengan lancar dan tepat telah disedari oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Oleh itu aspek komunikasi telah ditekankan di dalam semua mata pelajaran, khususnya bahasa Melayu seperti maksud petikan berikut : Mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah memberikan tumpuan kepada penguasaan berbahasa dan ketepatan berkomunikasi untuk melahirkan pelajar-pelajar yang fasih dan lancar dalam pertuturan, cekap kritis, analitis dalam pembacaan serta kreatif dalam penulisan. Sukatan Pelajaran ini menitikberatkan peluasan pengalaman serta penguasaan kemahiran-kemahiran berbahasa. Justeru itu, faktor yang menjadi ukuran ialah keupayaan pelajar-pelajar menggunakan dan merakamkan bahasa sebagai alat komunikasi yang berkesan di dalam semua situasi kehidupan (1994:ix).



Dalam mata pelajaran bahasa Melayu terdapat banyak strategi pemahaman bacaan yang diajar, antaranya meringkas atau merumuskan karangan. Menurut beberapa orang pensyarah di Universiti Putra Malaysia, iaitu Chan Swee Heng (2000:31) “ *writing summaries is an important skill to acquire. It helps to consolidate or put together the main message of a text. Comprehension of a text is then ensured*”.





Ketika pengajaran dan pembelajaran komponen ini, pelajar disogokkan dengan bahan tulisan berupa teks atau karangan. Dengan bimbingan guru, pelajar-pelajar akan berinteraksi dengan teks untuk membaca, memahami dan berfikir secara kritis, mengenal pasti maklumat dan menggunakan idea atau maklumat untuk menghasilkan teks rumusan bersesuaian dengan had jumlah perkataan yang telah ditetapkan oleh guru mahupun soalan. Hal ini menunjukkan kemahiran merumuskan karangan perlu dikuasai oleh pelajar bukan sahaja untuk menguasai kemahiran-kemahiran tertentu di dalam bahasa, juga bagi keperluan pelajar di dalam menimba ilmu secara keseluruhannya di sekolah seperti pendapat Abdul Aziz Abdul Talib (2000: 165-166)



“ Di sekolah, kemahiran tersebut diperlukan oleh pelajar apabila mereka membaca dan ingin mencatat nota-nota daripada bahan-bahan yang dibaca seperti bab-bab penting dalam buku teks, bahan-bahan rujukan yang lain seperti jurnal, majalah, laporan atau artikel. Selain itu tidak kurang pentingnya kemahiran merumus dan mencatatkan bahan-bahan yang diedarkan ketika guru mengajar. Sesungguhnya kemahiran merumuskan bahan-bahan yang dibaca atau didengar amat berguna kepada murid-murid di sekolah dan juga kepada pelajar di maktab atau universiti ”.



Kemahiran mengenal pasti isi-isi penting dalam kemahiran merumuskan karangan juga tentunya akan meningkatkan kemahiran menyediakan maklumat-maklumat penting. Hal ini sangat penting dikuasai oleh kita semua terutamanya pelajar sekolah. Kemahiran ini didapati membantu pelajar-pelajar untuk menghasilkan nota pelajaran yang lengkap, teratur dan mengandungi isi-isi penting (Omardin Hj Ashaari, 1992). Kemahiran menguasai isi-isi penting perlu di kuasai oleh pelajar sekolah rendah hinggalah ke peringkat universiti (Abdul Razak Abdul Rahman, 2002).

Dengan menguasai kemahiran merumuskan karangan, pelajar-pelajar dapat mengeluarkan isi-isi penting dari subjek-subjek yang dipelajari untuk difahami, dihafal dan diaplikasikan dalam peperiksaan. Di samping itu , kemahiran menguasai isi-isi penting juga dapat membantu pelajar-pelajar dalam menghasilkan tugas berkualiti (Dr. Maznah Baba, 2002). Merumus atau meringkaskan karangan juga penting sebagai strategi bacaan bagi melengkapkan diri pelajar-pelajar sebelum memasuki institusi pendidikan tinggi. Menurut Muskingum College, *“Reading is one of the most important academics tasks faced by students”*.

Daripada perbincangan di atas, sangat jelas kepada kita betapa pentingnya kemampuan pelajar-pelajar memanfaatkan kemahiran memahami bacaan dan kemahiran berbahasa yang lain dalam kehidupan di dunia pendidikan sebagai pelajar dan sebagai tenaga kerja dalam kehidupan selanjutnya.

1.9 Rumusan

Secara ringkasnya, dapatlah disimpulkan bahawa penguasaan bahasa Melayu dalam bidang penulisan khususnya aspek rumusan yang melibatkan kemahiran secara kreatif dan analitis sangat penting kepada para pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran di peringkat lebih tinggi. Sikap positif dan yakin terhadap kebolehan berbahasa Melayu boleh mendorong para pelajar belajar dengan bersungguh-sungguh. Pendekatan yang berkesan perlu dikaji untuk dilaksanakan di semua sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia bagi meningkatkan kecemerlangan bahasa Melayu sebagai mata pelajaran teras di sekolah. Proses komunikasi ini khususnya dalam kemahiran penulisan mampu mewujudkan budaya celik bahasa dengan penggunaan yang betul dan tepat serta mampu difahami oleh diri sendiri dan persekitarannya.